

Headline	Harga barang naik bukan alasan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Jun 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	49	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,119



## Harga barang naik bukan alasan

RAUB - Peniaga bazar Ramadan tidak boleh menjadikan kenaikan harga barang sebagai alasan terpaksa menaikkan harga jualan termasuk kuih dan lauk-pauk.

Exco Koperasi Usahawan dan Kepenggunaan Negeri Pahang, Datuk Seri Shahiruddin Ab Moin berkata, kenaikan harga barang adalah sangat sedikit, justeru peniaga bazar Ramadan perlu bertimbang rasa dengan pembeli dan tidak terfalu mementingkan untuk mengaut keuntungan semata-mata.

“Saya kesal kerana masih ramai peniaga bazar Ramadan tidak meletakkan tanda harga pada jualan yang mana ini boleh menyebabkan mereka dikenakan kompaun oleh anggota penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan,” katanya.

Shahiruddin berkata, setiap barang yang dijual tak kira sama ada kuih, lauk, sayur atau apa juga barangan perlu diletakkan tanda harga bagi memudahkan pembeli.

“Soal harga dan meletakkan tanda harga memanglah perkara remeh, tetapi ia boleh menjadi panduan utama kepada pembeli serta mereka boleh merancang perbelanjaan,” katanya.

Shahiruddin yang juga Adun Dong berkata, pihaknya memberi jaminan bahawa bekalan barang-barang keperluan termasuk ayam, daging dan lain-lain mencukupi pada bulan Ramadan ini.

Tambahnya, Lembaga Pemasaran Pertanian

**“Kenaikan sedikit harga seperti sayur, ikan dan lain-lain barangan basah hanya sementara kerana banyak permintaan dan mungkin juga disebabkan masalah teknikal dan pengeluaran.” - Shahiruddin**

Persekutuan (Fama) dan agensi berkaitan akan berusaha dalam menyediakan barang keperluan yang secukupnya bagi keperluan pengguna.

“Kenaikan sedikit harga

seperti sayur, ikan dan lain-lain barangan basah hanya sementara kerana banyak permintaan dan mungkin juga disebabkan masalah teknikal dan pengeluaran,” katanya.

